

perkhidmatan dobi dari rumah, landskap, kimpalan, asuhan kanak-kanak dan peruncitan dan perkhidmatan pembaikan barangan elektrik dan elektronik.

Jelasnya, semua peserta tersebut adalah golongan yang berdaftar di dalam sistem e-Kasih dan bukan sahaja terhad kepada kaum Melayu sahaja.

"Semua peserta ini adalah mereka yang berdaftar di dalam sistem e-Kasih dan terdapat kira-kira 10 peratus bukan Bumiputera dari 11,000 usahawan kecil itu telah memanfaatkan peluang yang diberikan ini,"katanya.

Tambah Zuraida, terdapat peserta yang hanya bermula di tepi jalan namun kini meraih pendapatan ribuan hingga puluhan ribu ringgit sebulan hasil pemerksaan ekonomi yang digerakkan oleh KPKT.